

SJPP

Bus & Taxi

Hire Purchase
Rehabilitation
Scheme

Skim
Rehabilitasi
Sewa Beli



www.sjpp.com.my

Objective

To assist eligible bus and taxi operators with outstanding hire purchase, credit and/or leasing facilities with participating *Financiers to mitigate the impact of the COVID-19 pandemic and to enjoy a 12-month moratorium on payment, as well as lower monthly instalment payments.

**Financiers: Other than banks providing Hire Purchase, Credit and Leasing services and have signed Master Agreement with SJPP.*

Type of Facility

Existing Hire Purchase, Credit and/or Leasing Facilities to be restructured.

Financing Limit

Bus : Minimum of **RM30,000** with a maximum** of **RM10.0 million** (restructured amount outstanding) per facility.

Taxi : Maximum** of **RM5.0 million** (restructured amount outstanding) per facility.

**Subject to the aggregate Group Limit not exceeding RM10.0 million for:

- (i) the amount to be guaranteed under the existing financing facility upon restructuring; and
- (ii) all other amounts owing by the Customer and/or the Customer Group under any other loan and/or financing facilities which are guaranteed under this scheme.

Extended Tenure of Financing

- (i) Remaining tenure of **more than 12 months**: Extended by 36 months (including 12 months moratorium).
- (ii) Remaining tenure of **less than 12 months**: Extended by 24 months (including 12 months moratorium).

Guarantee Coverage

50% of the balance outstanding (excludes any penalty interest, late payment charges and other charges).

Guarantee Tenure

Up to 9 years from the commencement of the guarantee.

Guarantee Fee

0.5% per annum of guarantee coverage, payable upfront. First year guarantee fee is waived.

Interest / Profit Rate

The effective interest/profit rate charged by the *Financier **shall not be higher** than the existing effective rate charged on the existing financing facility prior to the restructuring.

Eligibility Criteria

- (i) a **company incorporated** under the Companies Act with not less than 51% of its issued share capital and ultimately controlled by Malaysian citizens; or
 - (ii) a **partnership or a limited liability partnership** comprising not less than 51% of partners who are and/or ultimately controlled by Malaysian citizens and registered under the Registration of Businesses Act 1956; or
 - (iii) a **sole proprietor** who is a Malaysian citizen and is registered under the Registration of Businesses Act 1956.
- A **bus operator** involved in charter, tour, inter-state, express, stage school bus operations and/or factory buses, or is a **taxi operator** providing taxi service.
 - The **road tax** for the vehicle(s) must have been renewed with an expiry date **on or after 30 September 2019**; or have a **certificate of inspection by Puspakom** that is valid **on or after 30 September 2019**.
 - The **age of the vehicle** must not exceed **12 years for buses and 9 years for taxis** at the time of application.
 - The existing financing facility to be restructured must **not be in arrears** for more than **3 months prior to 30 September 2019**.
 - Where the Hirer has any other loan and/or financing facilities which is guaranteed under this scheme or any other managed by SJPP, there must **not have been any claim made** under any such guarantee.
 - Other terms and conditions may apply.

Availability Period

Until 31 December 2021 or full utilisation, whichever is earlier.

How to Apply

Contact our participating *Financiers to discuss your existing outstanding facilities as listed in our website.

www.sjpp.com.my

Search

Objektif

Untuk membantu pengusaha-pengusaha bas dan teksi yang layak dan mempunyai tunggakan kemudahan pembiayaan sewa beli dan kredit dengan *Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit yang terkesan dengan impak wabak COVID-19 dengan penawaran moratorium pembayaran selama 12 bulan, dan juga menikmati pembayaran ansuran yang lebih rendah.

**Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit: Selain daripada bank dan telah menandatangani Penjanjian Induk dengan SJPP.*

Jenis Kemudahan

Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit sedia ada bagi tujuan penstrukturan semula.

Had Pembiayaan

Bas : Minimum **RM30,000** dan maksimum** sebanyak **RM10.0 juta** (berdasarkan tunggakan yang distruktur semula) untuk setiap kemudahan.

Teksi: Maksimum** sebanyak **RM5.0 juta** (berdasarkan tunggakan yang distruktur semula) untuk setiap kemudahan.

**Tertakluk kepada had kumpulan agregat tidak melebihi RM10.0 juta untuk:

- (i) jumlah pembiayaan yang akan dijamin di bawah kemudahan pembiayaan sedia ada semasa penstrukturan semula; dan
- (ii) semua jumlah pembiayaan oleh Penyewa dan/atau Kumpulan Penyewa yang telah dijamin di bawah skim ini.

Tempoh Lanjutan Pembiayaan

(i) Bagi tempoh baki pinjaman **melebihi 12 bulan**: tempoh pinjaman akan dilanjutkan selama 36 bulan (termasuk 12 bulan moratorium).

(ii) Bagi tempoh baki pinjaman **kurang daripada 12 bulan**: tempoh pinjaman akan dilanjutkan selama 24 bulan (termasuk 12 bulan moratorium).

Jaminan Perlindungan

50% baki tertunggak kemudahan yang distruktur semula (tidak termasuk faedah penalti, caj pembayaran lewat dan caj-caj lain).

Tempoh Jaminan

Sehingga **9 tahun** dari tarikh permulaan jaminan.

Yuran Jaminan

0.5% setahun yang perlu dibayar terdahulu terhadap jumlah perlindungan jaminan. Yuran jaminan bagi tahun pertama adalah dikecualikan.

Kadar Faedah / Keuntungan

Kadar faedah/keuntungan efektif yang dikenakan oleh *Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit **tidak melebihi daripada** kadar efektif sedia ada untuk kemudahan pembiayaan sebelum penstrukturan semula.

Kriteria Kelayakan Penyewa / Peminjam

- (i) **Syarikat yang diperbadankan** di bawah Akta Syarikat dengan sekurang-kurangnya 51% saham dipegang dan dikawal oleh warganegara Malaysia; atau
 - (ii) **Perkongsian atau perkongsian liabiliti terhad** dengan sekurang-kurangnya 51% saham dipegang dan dikawal oleh warganegara Malaysia dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; atau
 - (iii) **Pemilikan tunggal** oleh warganegara Malaysia dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
- **Pengusaha bas** yang terlibat dalam operasi berkaitan dengan sewaan 'charter', lawatan, pengangkutan antara negeri, pengangkutan ekspres, bas sekolah dan/atau bas kilang, atau **pengusaha teksi** yang menyediakan perkhidmatan teksi.
 - **Cukai jalan** kenderaan mesti diperbaharui dan tarikh luputnya haruslah **pada atau selepas 30 September 2019**, atau kenderaan tersebut memiliki **sijil pemeriksaan oleh Puspakom** yang bertarikh **pada atau selepas 30 September 2019**.
 - **Usia kenderaan** bagi bas tidak boleh melebihi **12 tahun**, dan teksi tidak boleh melebihi **9 tahun** pada masa permohonan dibuat.
 - Kemudahan pembiayaan sedia ada yang akan distruktur semula **tidak mempunyai tunggakan** lebih dari **3 bulan sebelum 30 September 2019**.
 - Jika Penyewa mempunyai kemudahan pinjaman dan/atau pembiayaan lain yang dijamin di bawah skim ini atau lain-lain skim jaminan yang diuruskan SJPP, mestilah **tiada tuntutan** bagi skim-skim tersebut.
 - Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma lain.

Tempoh Permohonan

Sehingga 31 Disember 2021, atau sehingga had peruntukan habis diguna pakai, yang mana lebih awal.

Cara Memohon

Sila hubungi *Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit yang mengambil bahagian untuk membincangkan kemudahan sedia ada anda seperti yang disenaraikan di laman web kami.

www.sjpp.com.my

Search



4

Upon approval, Financier will contact Borrower.

Setelah diluluskan, Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit akan menghubungi Peminjam.

3

SJPP evaluates guarantee applications from Financiers.

SJPP menilai permohonan daripada Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit.

2

Financiers submit applications to SJPP, if eligible.

Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit menyerahkan permohonan kepada SJPP, jika layak.

1

Bus and Taxi Operators discuss with participating Financiers and provide required documents.

Pengusaha Bas dan Teksi berbincang dengan Syarikat Pembiayaan Sewa Beli dan Kredit yang mengambil bahagian dan menyediakan dokumen yang diperlukan.

Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (851317-W)



03-2096 5000



www.sjpp.com.my



esjpp@prokhas.com.my

